

Isu kaum dalam borang rasmi: MIC sokong cadangan Kurup
Malaysian Insider
Feb 24, 2014
OLEH The Malaysia Insider

Timbalan Presiden MIC Datuk Seri Dr S Subramaniam (gambar) menyokong cadangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Joseph Kurup agar kategori 'kaum' dikeluarkan daripada semua borang rasmi di negara ini bagi membentuk satu identiti nasional.

Beliau berkata langkah itu, selain mempertingkatkan semangat patriotisme dan cinta akan negara, mampu menyatupadukan rakyat di negara ini.

"Ia satu cadangan yang baik kerana akan menyatupadukan rakyat Malaysia dengan lebih dekat lagi di bawah satu 'banner'.

"Ia juga akan mencetuskan semangat kemalaysiaan yang memberi keutamaan menjadi bangsa Malaysia, lebih daripada Melayu, Cina atau India," katanya dalam sidang akhbar selepas perhimpunan bulanan kementerian itu di Putrajaya hari ini.

Sabtu lepas, Kurup ketika mengemukakan cadangan itu berkata adalah menyedihkan apabila rakyat Malaysia masih dipisahkan oleh bangsa dan agama selepas lebih 50 tahun merdeka.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/isu-kaum-dalam-borang-rasmi-mic-sokong-cadangan-kurup>